



INTERAKSI ANTARA HIDUPAN


INFO RINGKAS

Interaksi antara Haiwan

UPSR '16, '17, '18, '19

1 Haiwan-haiwan hidup secara berkumpulan atau bersendirian.

Cara Hidup Haiwan



- Interaksi antara haiwan berlaku secara intraspesies dan interspesies, sama ada dalam bentuk kerjasama atau persaingan.
- Haiwan bersaing untuk mendapatkan sumber yang terhad, iaitu makanan, air, pasangan dan kawasan/ tempat tinggal.



Interaksi antara Haiwan

4 Simbiosis antara haiwan wujud dalam bentuk mutualisme, komensalisme dan parasitisme.


Bentuk simbiosis	Contoh
<p>Mutualisme: kedua-dua spesies mendapat manfaat</p>	<p>burung gembala dan kerbau</p>
<p>Komensalisme: hanya memberi manfaat kepada satu spesies sahaja</p>	<p>ikan jerung dan ikan remora</p>
<p>Parasitisme: memberi manfaat kepada satu spesies sahaja dan merugikan spesies yang lain</p>	<p>kucing dan kutu</p>

Interaksi antara Tumbuhan

UPSR '16, '17, '18


- Tumbuhan di suatu kawasan bersaing untuk mendapatkan sumber yang terhad, iaitu air, ruang, nutrien dan cahaya matahari.
- Simbiosis antara tumbuhan wujud dalam dua bentuk:

(a) Komensalisme



Pokok paku langsuar tumpang tumbuh pada batang pokok angsa.

(b) Parasitisme



Pokok dedalu tumbuh pada dahan pokok mangga.